

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21* (Development and Consensus: The 21<sup>st</sup> Century Humanity Agenda). Syarahan Perdana oleh Abdul Rahman Embong. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003. 72 halaman. Ulasan oleh Rujhan Mustafa.

Saya melihat pengarang sebagai seorang yang amat menghargai nilai-nilai 'perkongsian' di dalam kehidupan manusia. Beliau telah mengemukakan konsep perkongsian dan hak bersama dalam pembangunan di antara tiga pemain utama; pemerintah, rakyat dan institusi untuk menentukan kesejahteraan dan keharmonian hidup. Perkongsian dan persamaan dalam pembangunan bagi beliau merupakan, "Kemakmuran dinikmati bersama; begitu juga kerugian ditanggung dan dideritai bersama". Tambahnya, "Apabila sesetengah pihak sahaja yang ingin memiliki pembangunan, lebih-lebih lagi membolot hasilnya, dan menyisihkan pihak lain, maka pincanglah usaha pembangunan tersebut; terjejaslah prinsip perkongsian dan teganglah hubungan dalam masyarakat" (hlm. 14). Pembangunan dan perkongsian ini selaras dengan hasrat dan kepentingan masyarakat terbanyak seperti yang ditekankan oleh pengarang sebagai 'pembangunan untuk semua' dan 'pembangunan bersifat perkongsian' kerana "Ini adalah bumi semua manusia" (hlm. 58).

Dalam mencari sebuah model pembangunan untuk semua, pengarang telah menghuraikan pembangunan kapitalis Barat yang bersandarkan kepada pasaran bebas. Katanya, "...kemajuan masyarakat Barat khususnya peningkatan taraf hidupnya dianggap sebagai gambaran citra masa depan yang melambai-lambai negara yang baru merdeka dan belum memasuki era perindustrian itu supaya menuju matlamat tersebut ... mereka pula ingin mengikuti jejak langkah negara penjajah dan menjadikan 'pembangunan' dan 'pemodenan' sebagai agenda nasional mereka" (hlm. 21). Pengarang menjelaskan bahawa "...idea 'pembangunan' yang berasal daripada pengalaman lokal Eropah sudah menjelma menjadi kepercayaan sejagat" (hlm. 22). Kepada pengarang, "sesebuah negara itu akan 'terkutuk' sebagai negara terbelakang, jika ia tidak memasuki arus perdana pembangunan yang dikonsepsikan oleh Barat" (hlm. 23).

Walau bagaimanapun, dalam kes pembangunan ekonomi Asia Timur pada tahun-tahun 1980-an dan 1990-an, pengarang membuktikan bahawa model bukan-Barat boleh berjaya. Beliau menjelaskan bahawa kapitalisme yang dibangunkan di rantau ini adalah berbeza daripada model kapitalisme pasaran bebas di Barat. Kejayaan kelompok pertama negara industri baru (NIB) di Asia Timur (seperti Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura) dan kelompok generasi kedua (seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia) adalah melalui dasar baru pemerintah tempatan terhadap perindustrian dan industri berorientasikan eksport. Pertumbuhan ekonomi negara China yang luar biasa juga adalah melalui dasar

yang sama tanpa mengambil model Barat sebagai model pembangunan. Pemerintah ini telah menggerakkan program perindustrian melalui aktiviti penanaman modal asing di negara masing-masing. Mereka berjaya menembusi pasaran negara maju dengan produk berkualiti tinggi. Kejayaan ini telah dinikmati oleh semua pihak terutamanya menyaksikan kewujudan 'kelas menengah' yang menurut pengarang telah "...dapat menikmati limpahan kemewahan ekonomi negara..." (hlm. 29).

Pengarang seterusnya menjelaskan bahawa dalam kes Malaysia, pembangunan yang berteraskan keseimbangan antara kaum dengan perpaduan nasional, melalui prinsip pertumbuhan dan pengagihan, telah menyaksikan perubahan penting dengan bermulanya perkembangan pesat kelas menengah baru dan kelas korporat pelbagai kaum, dan "Sebahagian kelas korporat ini telah memasuki barisan kapitalis trans-nasional" (hlm. 31). Kehadiran kelas menengah, kelas korporat dan kapitalis transnasional ini telah membawa perubahan psikologi yang penting bagi masyarakat di Malaysia. Menurut pengarang, "Psikologi ini ditandai oleh rasa bangga dan keyakinan diri yang baru serta perasaan bahawa martabat dan maruah bangsa mereka sudah mula terbelah" (hlm. 31).

Berdasarkan hujah pengarang, model Barat itu sendiri juga sebenarnya bermasalah sehingga membawa kegagalan kepada pembangunan di Afrika bahagian Sub-Sahara dan sesetengah negara Amerika Latin and Asia Selatan. Masalah itu disulitkan lagi apabila pemerintah masing-masing gagal merebut peluang dari pelbagai kesempatan yang muncul seperti menarik pelaburan dan teknologi bagi menggerakkan pembangunan negara. Sebaliknya, mereka terus berhutang dan menyalahgunakan sebahagian hutang itu untuk projek yang tidak menghasilkan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat sehingga terjebak dalam krisis hutang pada tahun-tahun 1980-an (hlm. 41).

Pengarang seterusnya mengaitkan kegagalan institusi-institusi antarabangsa yang dikawal oleh Amerika Syarikat (khususnya Bank Dunia, dan Order Baru Ekonomi Antarabangsa yang telah diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1974) yang tidak berjaya mengubah keadaan ekonomi di kebanyakan negara membangun dan miskin. Bank Dunia yang diharapkan dapat membantu pembangunan melalui dasar 'liberal'nya sebaliknya telah meningkatkan beban hutang negara miskin. Negara miskin juga terpaksa akur kepada peraturan dan syarat yang dikenakan oleh institusi Barat. Program penyelarasan struktural dengan fahaman neoliberalisme yang dilaksanakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), telah digunakan untuk menyerang sistem campur tangan pemerintah dalam pembangunan dengan mengurangkan peranan dan perbelanjaan pemerintah, meliberalisasikan import dan menghapuskan sekatan kepada pelaburan langsung asing, menswastakan perusahaan milik pemerintah, menurunkan nilai matawang dan mengawal upah.

Pendekatan Barat yang mempertahankan konsep 'padang yang tidak sama rata' dan kewujudan pihak yang menang dan pihak yang kalah ternyata tidak

boleh diterima oleh pengarang. Hal ini kerana negara yang terlibat bukan sahaja terpaksa membayar balik hutang, tetapi juga terpaksa merombak sistem kapitalisme yang didukung oleh pemerintah masing-masing. Status yang dipegang oleh negara-negara ini telah bertukar kepada 'negara regulatori' (*regulatory state*) memandangkan peranan pemerintah telah diubah dan dikehendaki memperbaiki sistem tadbir urus mereka dan memperkemaskan institusi regulatori agar sistem pasaran dapat beroperasi tanpa halangan. Ini amat bertentangan dengan pendirian pengarang yang menyokong peranan campur tangan negara dalam pembangunan sebagai asas kepada teori pembangunan (hlm. 36). Menurut pengarang, jika peranan pemerintah dikurangkan pemilik sebenar pembangunan itu akan tertindas dan menjadi mangsa kerana "...negara yang kuat dan kaya raya akan terus menjadi pemilik pembangunan. Negara kecil dan lemah akan terus tersisih. Dari segi masyarakat pula, golongan minoriti yang berkuasa dan kaya raya akan terus menjadi pemilik kemakmuran hasil pembangunan. Majoriti rakyat khususnya golongan bawahan akan kekal terperosok di bawah, sebahagiannya sebagai mangsa" (hlm. 48).

Pengarang sebaliknya menyokong konsep pembangunan berasaskan 'pembangunan manusia' kerana lebih bermatlamatkan kesejahteraan manusia dan kelestarian alam sekitar berbanding dengan matlamat pertumbuhan semata-mata. Konsep tersebut mengiktiraf jurang ketaksamaan di antara negara dan juga dalam negara dan menjadikan agenda kemanusiaan sejagat sebagai agenda pembangunan manusia. Mengikut pengarang, "Dalam paradigma baru ini, manusia dianggap sebagai aktor atau agensi dan juga sebagai matlamat pembangunan. ... Dengan kata lain, agensi atau aktor dalam pembangunan itu harus mempunyai kuasa atau keupayaan untuk membuat keputusan dan pilihan sendiri berhubung dengan pembangunan yang sepatutnya memberikan manfaat kepada mereka" (hlm. 51). Pengarang menjelaskan bahawa fahaman *Social Darwinism* yang berideologikan 'yang kuatlah yang menang' mestilah diketepikan; sebaliknya mengutarakan 'yang kuat membantu yang lemah' dan 'yang menang membantu dan membimbing yang kalah' sebagai sumber kekuatan dalam pembangunan untuk kesejahteraan hidup manusia. Persaingan yang berasaskan kerjasama dan persaudaraan untuk kebaikan dan kesejahteraan bersama haruslah diperjuangkan. Pengarang juga menerima globalisasi, tetapi haruslah globalisasi yang mesra rakyat dan mesra umat manusia tanpa neoliberalisme. Kepada pengarang, pendekatan inilah yang akan membolehkan ilmu pembangunan itu terus mendapat tempat dan menjadi kekal relevan untuk masa mendatang.

Beberapa perbincangan pengarang bagaimanapun perlu dan boleh diperlanjutkan. Contohnya, pengarang seperti menerima terus konsep 'pembangunan manusia' yang diilhamkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai konsep baru. Namun, kita harus melihat konsep ini dari pelbagai sudut, terutamanya dari sudut negara-negara miskin. Apakah negara-negara miskin perlu melihat konsep baru ini sebagai satu 'penemuan' yang baik

yang dapat memacu pembangunan negara mereka? Kita bimbang, di sebalik titik pertemuan, ia mungkin menjadi satu titik 'pertembungan' yang akan menjadikan mereka lebih parah lagi. Pengarang juga tidaklah boleh menyetujui langsung bahawa PBB adalah bebas daripada sebarang fahaman dan warna neoliberalisme yang diasaskan oleh Amerika Syarikat. Pengarang juga telah cuba menyungkil 'jalan lain' ke arah pertumbuhan tanpa melalui jalan yang dirintis oleh kapitalis Barat atau jalan sosialis yang dirintis oleh Soviet Union. Walau bagaimanapun, pengarang tidak menjelaskan apakah 'jalan lain' yang sepatutnya ada atau diikuti oleh negara miskin tersebut. Pengarang sekadar meninggalkan pembaca tertanya-tanya apakah 'jalan lain' tersebut. Saya kira persoalan ini akan menjadi lebih menarik jika pengarang mengulasnya setuntas-tuntasnya.

Secara keseluruhan, saya berpendapat buku ini telah berjaya memberi jalan baru kepada ilmu pembangunan. Buku ini harus dibaca oleh setiap sarjana yang ingin melihat konsep pembangunan pada masa akan datang. Ahli pembangunan tidak seharusnya menjadi seperti 'pungguk yang merindukan bulan yang tidak kesampaian'. Ahli pembangunan mestilah berani bersaing dalam arus globalisasi (prahara taufan utara yang melanda), menguasai ilmu dan kepakaran baru agar dapat mengatur strategi bagi menjamin kehidupan sejahtera rakyat. Pembangunan mestilah dimiliki secara bersama tanpa mengira negara kaya dan miskin. Rakyat dunia seharusnya menjadi pemilik bersama dan menikmati hasil kesejahteraan dan kemakmurannya seperti yang disarankan oleh pengarang.

Rujhan Mustafa  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)  
Kota Samarahan  
Sarawak  
Malaysia